

‘Kerajaan tidak pinggirkan mana-mana kaum’

BERITA HARIAN 16 APR 2024 m/c: 3
Perdana Menteri

Shah Alam: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan pentadbiran kerajaan yang diketuainya tidak pernah meminggirkan mana-mana kaum, terutama kaum India.

Perdana Menteri sebaliknya, menegaskan keutamaan kerajaan adalah untuk menoktahkan kemiskinan di negara ini tanpa mengira kaum.

Katanya, di bawah Kerajaan MADANI, pelbagai program dirancang bagi membantu komuniti India.

“Siapa yang dapat faedah banyak? Orang miskin... kebetulan dari segi jumlah, orang Melayu, tetapi dari segi nisbah, di Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan, nisbah paling banyak mendapat manfaat ialah masyarakat India.

“Kalau saya tidak lakukan apa-apa untuk membantu masyarakat India, anda ada hak untuk menikam. Saya tak peduli, tokey India, Melayu atau Cina berjaya atau tidak. Saya peduli mengenai majoriti di bawah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Antarabangsa dan Majlis Sambutan Kelahiran Dr Ambedkar ke-133 tahun di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC), di sini, petang kelmarin.



Anwar bersama Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Saraswathy Kandasami ketika merasmikan Konvensyen Antarabangsa dan Majlis Sambutan Kelahiran Dr Ambedkar ke-133 tahun di Shah Alam, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Anwar berkata, di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor dan Pulau Pinang, kerajaan berjaya menyelesaikan hampir keseluruhan masalah kemiskinan segar, tanpa mengira kaum.

Katanya, masalah kedua yang

berjaya diselesaikan oleh kerajaan adalah membabitkan sekolah.

“Kita nak bangunkan semua sekolah sekali gus, tak mungkin. Jadi apa yang kita lakukan adalah keputusan untuk membina, membantu, memperbaiki tandas sekolah daif tanpa pengecualian.

“Kita lakukan dan berjaya habiskan 100 peratus membabitkan Sekolah Tamil,” katanya.

Anwar turut menegaskan bahawa Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) bukanlah satu-satunya medium bagi menaik taraf hidup masya-

rakat India.

“Kerajaan Madani turut memberi tumpuan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang memberikan bantuan kepada masyarakat India di seluruh negara,” katanya.